BULETIN WISMA PUTRA

JULY 2017 MFA MALAYSIA ISSUE 1

# "DIplomacy@60:Then and Now"

Sedang menjemput kedatangan Dato' Sri Anifah Aman

Upacara perasmian sedang dijalankan

Sesi pendaftaran di luar dewan pameran

Buat julung-julung kalinya, Kementerian Luar Negeri telah berjaya mengadakan satu pameran di Muzium Negara bersempena 60 tahun hubungan diplomatik Malaysia dengan negara luar.

Perasmian pameran tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri pada 23 Mei 2017 dengan disaksikan oleh Datin Sri Siti Rubiah Samad, ketua-ketua jabatan dan Bahagian Kementerian Luar Negeri, duta-duta asing, para jemputan serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Muzium selaku tuan rumah.

Sungguhpun perasmian dijadualkan jam 3 petang, namun dari jam 9 pagi lagi telah kelihatan kakitangan Bahagian Komunikasi dan Diplomasi Awam (BKDA) dan Muzium, serta ahli-ahli jawatankuasa perasmian bertungkus lumus bagi memastikan kelancaran majlis. Rata-rata semua mengharapkan hari mendung tersebut tidak menandakan hujan pada sebelah petang.

Mujurlah pameran telah dibuka kepada awam dua minggu sebelumnya, iaitu pada 8 Mei 2017. Semua penyelenggaraan berhubung pameran, termasuklah lampu dan penghawa dingin dapat dibuat awal, dan penyusunan semua artifak juga dapat diselesaikan awal.

Tepat jam 3 petang, kereta YB Menteri tiba dengan diiringi outrider PDRM. Turut kelihatan Datin Sri Siti Rubiah Samad, isteri Menteri Luar Negeri, yang disambut oleh ahli PERWAKILAN yang telah sedia menunggu.

Dari awal lagi keputusan dibuat supaya majlis perasmian Pameran Diplomacy @ 60 diadakan secara 'reception', iaitu tanpa perlu tempat duduk. Selesai sahaja doa dibacakan, YB Menteri diiringi ke pentas untuk ucapan perasmian beliau. (Ucapan penuh boleh dicapai di (http://www.kln.gov.my/web/guest/speeches)

Ini diikuti dengan pemotongan riben yang direntangkan di pintu masuk galeri, dan penurunan tandatangan Menteri ke atas papan khas yang telah disediakan, bagi tujuan kenang-kenangan.

Lawatan YB Menteri ke Galeri KLN, diiringi oleh YM Amb. Raja Nushirwan Zainal Abidin, Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Duahala; Datuk Kamarul Baharin, Ketua Pengarah Jabatan Muzium; Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri serta pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Muzium Negara.

Duta-duta asing yang hadir juga tidak lekang dari sisi Menteri. Turut serta dalam delegasi Menteri melawat pameran ialah bekas-bekas duta Malaysia dari Persatuan Bekas Duta Malaysia (AFMA).

YB Menteri meluangkan masa sejam lagi untuk melawat pameran 18 negara-negara yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia dari tahun 1957 lagi, dengan penerangan di setiap tapak pameran negara diberikan oleh duta besar atau wakil kanan dari kedutaan negara tersebut.

Akhir kata, kelancaran majlis perasmian tersebut tidak mungkin dapat dicapai tanpa bantuan dari ahli-ahli jawatankuasa perasmian yang telah meluangkan masa dan tenaga bagi memastikan perasmian yang dapat dibanggakan.

# Iftar Menteri Luar Negeri

Sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim

Tanggal 13 Jun yang lalu telah menyaksikan YB Dato' Sri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri, menganjurkan majlis berbuka puasa ('Iftar') beliau di Kementerian Luar Negeri.

Majlis berbuka puasa Menteri telah menjadi satu kebiasaan bagi Kementerian, dan dianjurkan setiap tahun bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara Menteri dan pegawai-pegawai kanan Kementerian. Turut dijemput, sepertimana tahun-tahun sebelum ini, ahli Association of Former Malaysian Ambassadors (AFMA) iaitu persatuan mantan duta-duta Malaysia, serta duta-duta asing di Malaysia.

Seramai 600 tetamu telah diraikan dalam satu majlis yang sederhana tetapi meriah. Kelihatan tetamu ceria menyapa kenalan yang baru dan lama; dan pegawai bertukar-tukar cerita dengan mantan duta yang dikenali, menjadikan suasana di ruang legar WP1 tersebut tidak sunyi dari perbualan dan gelak-ketawa.

Anak-anak yatim dari Sekolah Tahfiz Anak Yatim Al Kitab, Beranang, Selangor juga turut tidak dilupakan. Setelah selesai ucapan Dato' KSU di awal majlis tersebut, YB Menteri telah berbesar hati menyampaikan duit raya kepada 40 pelajar-pelajar tahfiz tersebut serta warga Wisma Putra yang kurang bernasib baik.

Majlis turut dijayakan oleh ustaz dari JAWI

Solat maghrib sejurus selepas berbuka

Dato` Ramlan Ibrahim sedang berkomunikasi dengan duta-duta asing

Antara tetamu yang hadir

**Sidang Pengarang BKDA (Edisi 1/2017)**

*Pengarang | Bahagian Komunikasi Dan Diplomasi Awam (BKDA)*
*Tim Kreatif | Nur Fairuz Daniel binti Ahmad Zaki | Muhammad Zaimuddin bin Mohd Zakarim | Liew Hui Qi | Nur Syahira binti Mohd Razi | Aniq Haziq bin Bahman | Priyangha a/p Balakrishnan | Nur Hanny Fatiha Binti Ab Rashid*
*Gambar | Huzaini bin Mat Hussin*

## Salient Points of Dato' KSU'S Iftar Speech:

Dato' Ramlan Ibrahim, Secretary General of the Ministry of Foreign Affairs

1.A number of significant events have occurred in the last one year - Brexit election results in Europe, new leadership appointments in United States; ongoing global conflicts and crises resulting in a spike of refugees worldwide.

2.Malaysia had completed its 2 years membership of the UNSC, succesfully.

3.Steering Resolution 2334 on the illegality of the Israeli Settlements, the protection of children in situations of armed conflict through Resolution 2225.

4.The success of the Paris Agreement within the UN framework in combating climate change has been effectively implemented by all parties, except the United States which itself from the agreement in mid 2017.

5.Malaysia also succesfully hosted an Extraordinary Session of the OIC Council of Foreign Ministers on the Situation of the Rohingya Muslim Minority in Myanmar, and organized the 'Food Flotilla for Myanmar' to deliver food and other essentials to those most in need in Northern Rakhine.

6.The year 2017 marks the 60th Anniversary of diplomatic relations between Malaysia and many important partners who supported us since independence. The "Diplomacy@60" exhibition at the National Museum celebrates this.

7.This year, ASEAN too will celebrate its 50th Anniversary or Golden Jubilee, since it was founded in 1967. Wisma Putra is one of main ministries organizing ASEAN@50 activities the whole of 2017 as part of this celebration.

## Agihan Bubur Lambuk

Perkara : Program Penyediaan & Pengagihan Bubur Lambuk.
Tarikh : 8 Jun 2017.
Tempat : Perkarangan WP2, Kementerian Luar Negeri.
Penaja : Biro Agama Kelab Sukan & Kebajikan Wisma Putra.

Fakta - fakta :

-1200 bekas bubur lambuk diagihkan.

-Penyediaan bubur secara gotong - royong oleh warga Wisma dan ahli PERWAKILAN.

-Persediaan bubur seawal 8 pagi.

-90 kg beras digunakan.

-Penyediaan bubur lambuk diselia kuasa oleh dua tukang masak dari Kampung Baru.

Proses memasak bubur lambuk sedang dijalankan oleh petugas yang terlibat

Para petugas sedang menuang bubur lambuk ke dalam bekas sebelum diagihkan kepada hadirin yang hadir

## Get to Know Your Colleague

Wisma Putra received 11 new PTD officers in the first half of 2017. As part of the effort to get to know our ever-expanding ministry, Buletin Wisma Putra will highlight new additions in this column.

This month we focus on Mr Shivanand Sivamohan, Assistant Director Political-Security Community at the ASEAN-Malaysia National Secretariat.

Biodata :

| | |
|---|---|
| Name | : Shivanand Sivamohan |
| Date of Birth | : 28 April 1990 |
| Place of Birth | : Kuala Lumpur |
| Educational Background | : Undergraduate degree in Law at Oxford University<br>Postgraduate Master's in Law at Harvard University |
| Hobbies | : Tennis & Badminton |
| Favourite book | : The Life of Mahatma Gandhi by Louis Fischer |

## Editorial Notes

This first edition of the revised, revamped and renewed Buletin Wisma and e-Buletin Wisma comes to you courtesy of the hard work of the interns at DivComm. We hope to continuously upgrade this bulletin by compacting more interesting articles of what is happening in and around Wisma. Suggestions for inclusion, and exclusion, of articles in the bulletin may be directed to the editorial team directly (see static ticker on page 2).

Happy reading!

## Did You Know..

1.The newest addition to the Wisma Putra family is Malawakil Xi'an, which opened its doors on 17 October 2016 . Xi'an is the Ministry's 7th presence in the People's Republic of China. The other missions in China include Beijing, Guangzhou, Shanghai, Kunming, Nanning and *Hong Kong (SAR)*.

2.Malaysia's furthest outpost is Malawakil Lima, which is 19007 km away from Putrajaya. The nearest Malawakil Singapore, about 342 km away from Putrajaya. Even Pejabat Wilayah Sabah (at 1, 629 km) and Pejabat Wilayah Sarawak (at 973 km) are further.

3.As at 31st December 2016, the smallest mission in terms of personnel was Malawakil Conakry, while the largest in terms of HBS was Malawakil New York.

## Look Familiar?

-If this building looks familiar to you, and you know where it is located, give us a call at ext. 4063.
-The first two responders from HQ with the correct answer will receive the prize from DivComm.
-The answer for this question will be provided in the next edition of Buletin Wisma.